

SIARAN MEDIA

13 November 2014

UNTUK SIARAN SEGARA



BULI SIBER, MEDIA SOSIAL, PLAGIARISME ANTARA TOPIK YANG DIBAHASKAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH SEMPENA PERTANDINGAN WACANA KESELAMATAN ICT KEBANGSAAN- PIALA CABARAN CYBERSAFE™ (#NICTSED14)

#NICTSeD merupakan wacana yang lebih menarik dari perbahasan biasa – ianya diadakan pada 13 November 2014 sempena acara tahunan 3-dalam-1: Anugerah, Persidangan dan Pameran – Keselamatan Siber Malaysia (#CSMACE14) dari 11 hingga 15 November di Casuarina @ Meru, Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN (13 November 2014) – 500 pelajar sekolah menengah berkumpul dan menyaksikan acara kemuncak Pertandingan Wacana Keselamatan ICT Kebangsaan - Piala Cabaran CyberSAFE™ atau National ICT Security Discourse - CyberSAFE™ Challenge Trophy (#NICTSED14) pada 13 November 2014 sempena penganjuran acara Anugerah, Persidangan dan Pameran – Keselamatan Siber Malaysia (CSM-ACE) 2014 yang berlangsung Ipoh, Perak. Lebih 80 peserta dari 16 pasukan telah mengambil bahagian dalam wacana #NICTSeD, yang merupakan suatu pertandingan perbahasan antara sekolah yang menampilkan tahap persaingan yang tinggi dan juga ‘sentuhan siber’ yang membolehkan peserta menggunakan Internet dan peralatan telefon pintar, tablet, komputer dan sebagainya dalam persediaan, persembahan dan pembelaan. #NICTSeD14 memerlukan analisis perbandingan dan pemahaman isu-isu keselamatan ICT seperti pembulian siber, pro & kontra penggunaan media sosial, dan plagiarisme.

Ianya mencabar dari segi intelek dan kebolehan menganalisis. Para peserta juga dikehendaki membuktikan pemahaman tentang subjek mereka secara lisan dan juga dalam bentuk bertulis. Di samping itu, peserta perlu menjawab soalan-soalan dari Panel Pakar (PoE) yang bertindak sebagai juri. PoE turut meneliti bahan-bahan persembahan setiap pasukan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) YB. Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah, telah merasmikan upacara penutupan # NICTSeD14 dan menyampaikan hadiah serta sijil penyertaan kepada para peserta dan juga pemenang wacana #NICTSeD14.

Datuk Dr. Abu Bakar juga amat gembira dengan kualiti persaingan serta inisiatif luar biasa yang ditunjukkan oleh semua pasukan yang mengambil bahagian. "Saya berasa bangga menyaksikan kreativiti dan kepintaran para peserta muda yang sudah tentu berkepentingan dalam ekonomi digital Malaysia pada masa akan datang." Ujar Datuk Dr. Abu Bakar.

"Saya kagum melihat kesungguhan dan komitmen para pelajar, iaitu generasi muda Malaysia yang akan memegang pucuk kepimpinan pada masa hadapan, semasa mempertahankan fakta mereka berdasarkan topik keselamatan siber dan keselamatan Internet." Tambah beliau.



CyberSecurity Malaysia
(726630-U)



T +603 8992 6888
F +603 8992 6841
H 1 300 88 2999

Corporate Office.
Level 5, Sapura@Mines
No 7, Jalan Tasik
The Mines Resort City
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan
Malaysia.

www.cybersecurity.my



Securing Our Cyberspace

Dalam ucapannya, Datuk Dr. Abu Bakar turut mengingatkan pengguna siber Malaysia agar sentiasa beretika dan mengamalkan tingkah laku yang baik walaupun berada di alam maya atau 'etika digital'. Beliau juga berkata bahawa pada asasnya, untuk menjadi warga digital, kebolehan secara teknikal sememangnya satu kelebihan. Namun begitu, perlu diingat bahawa etika dan adab yang baik juga sama pentingnya kepada seseorang warga digital. Bermakna, bukan sahaja rakyat Malaysia perlu menambah ilmu teknikal tetapi perlu juga mempelajari etika digital yang baik dan adab ber-Internet yang sempurna.

Beliau berkata, "Etika berfungsi sebagai kompas moral yang membantu tenaga kerja masa depan kita iaitu generasi muda untuk menentukan tingkah laku siber yang sebaiknya. Di samping itu, pengetahuan tentang adab digital memastikan bahawa generasi muda yang bakal memimpin negara ini berkelakuan baik dan mematuhi adab yang baik ketika berada di alam siber atau dunia digital. Ini akan mengurangkan tingkah laku dalam talian yang tidak sesuai seperti fitnah siber, kecurian identiti dan cetak rompak."

Sementara itu, Dr. Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia juga mengambil berat tentang kemerosotan etika dalam talian, contoh yang jelas ialah kes 'trolling' dalam media sosial.

Menurut Dr. Amirudin, penyalahgunaan Internet adalah satu kebimbangan peringkat nasional yang perlu ditangani oleh CyberSecurity Malaysia. "Kami mengambil langkah pendidikan bagi menangani permasalahan ini melalui Program Outreach kami yang dikenali sebagai CyberSAFE (Cyber Security Awareness For Everyone) atau 'Kesedaran Keselamatan Siber untuk Semua', menggunakan pendekatan 'mendidik' golongan muda Malaysia tentang cara penggunaan Internet yang beretika dan perlakuan digital yang beradab."

CyberSAFE™ adalah jenama hak milik CyberSecurity Malaysia yang berdaftar, dan kini mempunyai dua rakan korporat iaitu Syarikat DiGi Telecommunications dan KPMG. Hadiah wang tunai bagi pemenang #NICTSeD14 ditaja oleh KPMG.

Ada dua program di bawah jenama CyberSAFE™ , yang pertama ialah 'CyberSAFE in Schools', yang telah dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 24 September 2010 dan yang kedua ialah 'CyberSAFE Ambassadors' program (program duta CyberSAFE). NICTSeD merupakan sebahagian dari program 'CyberSAFE in Schools' yang dilaksanakan di peringkat kebangsaan.

NICTSeD14 dianjurkan oleh CyberSecurity Malaysia, agensi pakar keselamatan siber nasional di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan; sempena acara Anugerah, Persidangan dan Pameran - Keselamatan Siber Malaysia atau *Cyber Security Malaysia - Awards, Conference & Exhibition (#CSMACE14)*. #CSMACE14 pula adalah anjuran CyberSecurity Malaysia dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perak, bermula dari 11 sehingga 15 November 2014.

CSM-ACE pula merupakan acara keselamatan Teknologi Maklumat (IT) terbesar di Malaysia, dan disertai oleh lebih kurang 1000 orang peserta tempatan dan juga antarabangsa dalam kalangan pemikir paling berpengaruh dan inovatif dalam industri keselamatan siber, sektor kerajaan, dan juga bidang pendidikan. Pada tahun ini penekanan diberikan kepada usaha mengukuhkan keselamatan e-perniagaan, serta meningkatkan pembangunan keupayaan & kapasiti modal insan. Tujuh topik latihan keselamatan siber yang disesuaikan untuk pelbagai peringkat kepakaran dan pengetahuan telah berjaya meraih penglibatan lebih kurang 1500 pengamal keselamatan siber dari seluruh Malaysia dan juga dari luar negara sejak 28 Oktober sehingga 12 November, bersempena dengan CSM-ACE 2014. Dijangkakan pada akhir program latihan ini, CSM-ACE 2014 dapat menghasilkan lebih kurang 1500 Pekerja Berpengetahuan yang mampu mempertahankan organisasi mereka daripada serangan dan jenayah siber.

Selain dari acara utama - penyampaian anugerah, persidangan dan pameran - beberapa acara satelit yang menarik turut dianjurkan, antaranya:

- i. Malaysia Cyber Security Awards Presentation Ceremony & Gala Dinner
12 November 2014 (Wednesday), 8.00 pm
AJCC 3, Casuarina@Meru, Ipoh

Royal Guest : His Royal Highness Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan
- ii. World Trustmark Alliance (WTA) Annual Summit 2014
12 to 13 November 2014 (Wednesday - Thursday), 9.00 am - 5.30 pm
Board Room 1, Casuarina@Meru, Ipoh
- iii. National ICT Security Discourse (NICTSeD): CyberSAFE Challenge Trophy 2014.*
Grand Finale & Prize Giving by the Hon. Deputy Minister of MOSTI.
13 November 2014 (Thursday), 2.00 pm - 5.00 pm
Dewan AJCC 1, Casuarina@Meru, Ipoh.
- iv. Universiti Teknologi PETRONAS - National Hacking Competition 2014. (UTP-HAX'14)
14 - 15 November 2014 (Friday - Saturday)
Department of Computer and Information Sciences,
Universiti Teknologi PETRONAS, Bandar Seri Iskandar, Perak Darul Ridzuan.

~ End ~

CyberSecurity Malaysia adalah agensi pakar keselamatan siber negara di bawah kawal selia Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang berperanan memantau aspek e-Keselamatan Nasional. Untuk maklumat lanjut layari www.cybersecurity.my, www.facebook.com/CyberSecurityMalaysia dan www.twitter.com/cybersecuritymy

Untuk pertanyaan media, hubungi Jabatan Outreach & Komunikasi Korporat, CyberSecurity Malaysia melalui emel media@cybersecurity.my atau telefon +603 8992 6888 sambungan 6978 (En. Mohd Shamil Mohd Yusoff) atau sambungan 6977 (Pn. Sandra Isnaji)